



KENYATAAN MEDIA
MENTERI ALAM SEKITAR DAN AIR

POTENSI AIR PULIH GUNA KURANGKAN BEBAN SUMBER AIR BERSIH

1. Perjanjian kerjasama perniagaan antara syarikat pembetungan nasional, Indah Water Konsortium (IWK) dengan Pengurusan Air Selangor (“Air Selangor”) Sdn Bhd dalam membekalkan air pulih guna bagi tujuan bukan minuman dan makanan kepada para pengilang di Lembah Klang hari ini adalah satu mercu tanda baharu di dalam industri air dan pembetungan Negara. Inisiatif ini mampu mengurangkan bebanan permintaan terhadap bekalan air minum terawat di masa hadapan, khususnya di Lembah Klang.
2. Sebuah syarikat tujuan khas (*special purpose vehicle company*) iaitu *Central Water Reclamation Sdn Bhd* (CWR) telah ditubuhkan bagi tujuan ini. Pada fasa awal, CWR akan mengendalikan Loji Rawatan Air Pulih Guna Guna (LRAP) di Setia Alam, Selangor. Loji ini berupaya membekalkan sebanyak 7.5 juta liter air pulih guna sehari. Syarikat ini dimiliki oleh Air Selangor sebanyak 60% dan IWK 40%.
3. Bagi fasa seterusnya, syarikat ini menyasarkan sasaran kumulatif sebanyak 247 juta liter air pulih guna sehari bagi kawasan Lembah Klang. Usahasama ini akan melibatkan jumlah pelaburan sebanyak kira-kira RM600 juta.
4. Saya ingin merakamkan penghargaan kepada Kerajaan Negeri Selangor dalam membantu usaha Kerajaan Persekutuan dalam merealisasikan inisiatif ini. Saya turut berharap agar Kerajaan Negeri, operator air negeri lain serta industri-industri dengan penggunaan air yang tinggi boleh turut serta meneroka potensi usahasama sebegini bersama IWK di negeri masing-masing.

- Tamat –

YB Dato’ Sri Tuan Ibrahim Tuan Man

Menteri Alam Sekitar dan Air

16 Mac 2021